

Client: Exabytes Network  
 Publication: Berita Harian  
 Format: Hardcopy  
 Subject: Exabytes Positive on E-commerce Services  
 Date: 16 December 2014  
 PR Value: RM 26,680



**BERITA HARIAN**  
 ILMU DAN MAKLUMAT

# Exabytes positif khidmat e-dagang

» *Easystore.my* jadi platform 10,000 peniaga berurus niaga

Oleh Mohd Zaky Zainuddin

**E**xabytes Network Sdn Bhd (Exabytes) menjangkakan platform maya-nya yang menawarkan perkhidmatan e-dagang, Easystore.my mencatat pertumbuhan positif tahun depan.

Ia akan didorong kerjasama dengan Celcom Planet Sdn Bhd iaitu syarikat usaha sama, Celcom Axiata Bhd dengan peneraju e-dagang Korea, SK Planet.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Exabytes, Chan Kee Siak, berkata Easystore.my yang di kini menjadi platform 10,000 peniaga berurus niaga dijangka meningkat dua kali ganda tahun depan disokong pertumbuhan memberangsangkan industri e-dagang tempatan.

Katanya, e-dagang dijangka menjadi satu fenomena di Malaysia bermula 2015 berikutan penyertaan lebih banyak syarikat yang menawarkan produk dan perkhidmatan, melancarkan urus niaga dalam talian.

## Saluran tambahan

"Nilai transaksi Easystore.my direkodkan RM12 juta setahun, namun pada tahun depan, kami menjangkakan jumlah ini akan meningkat tiga kali ganda dipacu oleh ker-

jasama dengan Celcom Planet," katanya selepas menandatangani perjanjian persepahaman (MoU) dengan Celcom Planet di Puchong, semalam.

Pada majlis itu, Kee Siak mewakili Exabytes, manakala Celcom Planet diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hoseok Kim.

MoU selama dua tahun itu menyaksikan Exabytes bakal menawarkan saluran perkhidmatan tambahan dalam platform Easystore.my kepada peniaga dalam talian bagi mengukuhkan perniagaan pada skala antarabangsa.

Menerusi Easystore.my, peniaga boleh menyertainya secara percuma dengan hanya 10 produk boleh ditawarkan kepada pelanggan menerusi platform itu, manakala bagi perkhidmatan berbayar, yuran yang dikenakan antara RM599 setahun bagi 500 produk hingga RM2,999 setahun (jumlah produk tanpa had).

Mengulas lanjut, Kee Siak berkata, kerjasama yang dime-terai adalah langkah strategik Exabytes dalam menawarkan perkhidmatan bernilai tambah kepada peniaga e-dagang dengan mendedahkan mereka kepada data pengguna lebih besar menerusi pasaran e-da-

gang Celcom Planet.

"Pasaran e-dagang pada masa ini sangat kompetitif. Jadi kerjasama dengan Celcom Planet membolehkan peniaga yang berdaftar dengan Easystore.my meneroka peluang perniagaan lebih banyak dalam ekonomi digital selain

menjadikan e-dagang sebagai platform untuk berkembang di pasaran global," katanya.

## Bantu banyak usahawan

Beliau berkata, dengan keupayaan sistem yang ditawarkan selain aspek keselamatan yang terbaik, kerjasama itu dapat meningkatkan kebolehpasaran peniaga selain membantu lebih banyak usahawan memasuki industri e-dagang.

Sementara itu, Hoseok berkata, Celcom Planet juga akan menilai potensi produk peniaga Easystore.my untuk dikembangkan di Korea.

"SK Planet yang juga anak syarikat operator telekomunikasi, SK Telecom adalah penyedia e-dagang utama di Korea. Kami mewujudkan platform 11ST (11street), salah satu platform e-dagang utama Korea yang memiliki lebih 30 juta pengguna dengan nilai kasar produk AS\$5 bilion (RM16.6 bilion) tahun lalu," katanya.



Chan Kee Siak